


16 - 31 JANUARI, 2024

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# *SILICON ISLAND* diyakini akan ulangi kejayaan FIZ Bayan Lepas

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BATU UBAN -** Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak mengetuai majlis jejak langkah ke pulau buatan, *Silicon Island* yang ketika ini baru ditambak seluas lima ekar persegi pada 10 Disember 2023.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa kerja-kerja penambakan laut yang mula dilaksanakan sejak 1 September lepas di pulau buatan tersebut merupakan bukti awal kejayaan pelaksanaan projek berkaitan.

Kata Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi itu lagi, pihaknya berharap projek *Silicon Island* akan mengulangi kejayaan kawasan perindustrian bebas (FIZ) Bayan Lepas.

"Melalui pembangunan taman perindustrian berteknologi tinggi, *Green Tech Park* (GTP); hab perkhidmatan perniagaan global atau GBS; pembangunan komersial; perumahan serta kawasan rekreasi hijau, *Silicon Island* dijangka bakal menjana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM1.1 trilion, pelaburan sebanyak RM74.6 bilion serta mewujudkan 220,000 peluang pekerjaan.

"Serentak itu, saya juga sangat yakin bahawa *Silicon Island* akan mengulangi kejayaan FIZ Bayan Lepas yang telah membawa pembaharuan kepada ekonomi Pulau Pinang lebih 50 tahun lalu," jelasnya dalam majlis berkaitan di sini pada 10 Disember lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan memberitahu bahawa Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pada 6 Disember lepas telah menyenaraikan Pulau Pinang berada pada kedudukan kedua terbaik dengan merekodkan pelaburan ketara berjumlah RM44.9 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2023, di belakang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM48.9 bilion).

*(Sambungan di muka 3).*




**BARISAN kepimpinan yang merupakan kumpulan pertama menjejakkan kaki di *Silicon Island*.**



**KETUA Menteri bersalaman dengan TYT (kanan) apabila berjaya menjejakkan langkah di *Silicon Island* bersempena sesi lawatan khas yang diatur di sini baru-baru ini.**

# Kurang upaya tidak halang capai kejayaan cemerlang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**MENDERITA** penyakit saraf sejak dari lahir dan memegang status orang kurang upaya (OKU) tidak sedikit pun menjadi penghalang buat **NUR FARRISHA HASHIM** mencatatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2022.

Ekoran daripada kecemerlangan tersebut, telah melayakkan Nur Farrisha menerima Anugerah Pelajar Terbaik Pelajar Istimewa (Khas) yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 9 November lalu.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Nur Farrisha yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mak Mandin menyifatkan kejayaan yang diraih sebagai hadiah terbaik dalam hidupnya setakat ini.

Meskipun berdepan kesukaran untuk bergerak seperti insan normal yang lain, Nur Farrisha menyatakan bahawa semangat untuk menimba ilmu sentiasa menebal kerana sokongan dan bantuan daripada ibu bapanya.

"Walaupun di usia lanjut, ibu bapa saya masih bekerja dan pada masa sama tanpa gagal untuk menghantar saya ke sekolah setiap hari.

"Di sekolah pula, kawan-kawan dan barisan guru sentiasa membantu saya tanpa jemu sama ada dalam pelajaran mahupun pergerakan ketika di sekolah.

"Memang tidak dinafikan adakalanya saya rasa penat dan hampir berputus asa, tetapi semangat serta dorongan mereka inilah yang membuatkan saya menjadi lebih kuat," katanya sambil menyatakan bahawa sakit yang dialaminya adalah sebagai sebahagian daripada ujian hidup yang perlu ditempuhi.

Ditanya mengenai cita-cita, Nur Farrisha berkata beliau mempunyai impian untuk menjadi seorang juruanimasi.

"Sekarang saya sedang meneruskan pelajaran di Kolej Tingkatan Enam Desa Murni, Sungai Dua dan saya akan berusaha lebih gigih untuk mengulangi kecemerlangan sepertimana yang pernah dicapai semasa peperiksaan SPM.

"Saya optimis sekiranya saya mengekalkan kecemerlangan ini sehingga ke universiti, cita-cita saya itu akan mampu digapai, tetapi apa yang lebih penting kejayaan ini menyedarkan saya mengenai kekuatan yang ada pada diri ini," ujarnya menutup bicara.

Seorang lagi menerima Anugerah Pelajar Terbaik Pelajar Istimewa (Khas), **R. PRITAM** dari SMK Alma, Bukit Mertajam menyifatkan kejayaan yang diperoleh sebagai hadiah untuk ibu bapa dan dirinya sendiri.



**R. Pritam (kanan) menerima sijil Anugerah Pelajar Terbaik Pelajar Istimewa (Khas) daripada Ketua Menteri sambil disaksikan oleh Dr. Mohamad Abdul Hamid (kiri) sempena Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang STPM dan SPM Bagi Tahun 2022 di sini baru-baru ini.**



**NUR Farrisha Hashim.**

"Saya berasa sangat bangga dan gembira kerana kejayaan cemerlang kami semua telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya ketika ditemui.

Sebagai pelajar pendidikan khas, Pritam memberitahu bahawa banyak cabaran yang hadapinya terutamanya dalam menguasai kemahiran membaca.

"Disebabkan saya lambat membaca, jadi saya banyak ketinggalan dalam mata pelajaran yang diambil.

"Oleh itu, apa yang diajarkan oleh guru-guru semasa sesi pembelajaran di dalam kelas, saya terpaksa membuat ulang kaji sendiri dengan lebih kerap di rumah.

"Namun begitu, saya tidak pernah rasa mahu berputus asa kerana saya sentiasa mendapat sokongan daripada ibu bapa selain menjadikan senior-senior di sekolah yang telah menempa kejayaan sebagai sumber inspirasi," katanya.

Menurut Pritam, walaupun sering menerima bantuan daripada ibu bapa, rakan-rakan dan barisan guru, beliau tetap belajar untuk berdikari tanpa terlalu mengharapkan pertolongan.

"Walaupun ada kekurangan, saya kena belajar berdikari dan tidak boleh terlalu mengharapkan bantuan daripada cikgu-cikgu, kawan-kawan dan mak ayah semata-mata.

"Apa yang boleh saya lakukan sendiri saya akan cuba lakukan dengan semampu yang boleh.

"Banyak kali juga rasa sangat penat dan hampir putus asa tetapi saya terus tingkatkan motivasi untuk teruskan pelajaran," katanya yang bercita-cita ingin menjadi seorang guru.

## Hubungan teknologi dan agama diibaratkan saling melengkapi

**BATU UBAN –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid menyifatkan pentingnya Al-Quran sebagai sumber keintelektualan dan kerohanian dalam Islam.

Menurut beliau, kitab suci umat Islam itu bukan sahaja menjadi prinsip keagamaan dan kerohanian tetapi juga sebagai panduan bagi cabang-cabang ilmu yang lain seperti sains dan teknologi.

"Hubungan antara teknologi serta agama diibaratkan sebagai saling melengkapi antara satu sama lain yang mana sebagaimana kita ketahui, Islam tidak menghalang penggunaan elemen-elemen berkaitan dalam kehidupan.

"Melalui media dan teknologi, Al-Quran dapat dipersembahkan kepada khalayak dengan pelbagai bentuk yang menarik seperti aplikasi dan sebagainya," ujarnya pada Seminar Antarabangsa Al-Quran dan Teknologi (I-Qtech) di sini 4 Disember lalu.

Hadir sama, Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Wan Nazjmi Mohamed Fisol serta para peserta seminar dari dalam dan luar negara.

Mengulas lanjut, Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung menyatakan bahawa dalam konteks keperluan umat Islam masa kini, Al-Quran boleh didapati dalam pelbagai platform aplikasi serta produk digital.

"Pendekatan ini secara tidak langsung memudahkan akses dan pembelajaran walau di mana sahaja kita berada dan tidak dinafikan bahawa pembelajaran dalam talian semakin mendapat tempat melalui agensi kerajaan mahupun swasta.

"Dalam konteks Gagasan Malaysia Madani, pengenalan penggunaan Al-Quran dan teknologi merupakan nilai kreativiti yang ditunjangi aspek daya cipta yang mana akan mewujudkan proses perubahan berterusan mendakap serta memperkasakan kreativiti masyarakat,'' ujarnya lanjut.

# Nelayan terkesan terima manfaat SIMP



BOT-bot baru di bawah SIMP.



DR. Mohamad Abdul Hamid (kanan) dan Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol (kiri sekali) menyampaikan bantuan di bawah SIMP pada majlis khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

**BATU MAUNG –** Seramai 38 lagi nelayan yang terkesan dengan pelaksanaan projek *Penang South Island* (PSI) menerima bantuan bot serta enjin di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa pihaknya berharap agar projek PSI akan terus membawa limpahan manfaat kepada nelayan serta keluarga mereka di sini.

"Kerajaan Negeri sentiasa menitik berat dan mengutamakan kebajikan komuniti setempat termasuk masyarakat nelayan di kawasan selatan (pulau) dan akan terus memberikan komitmen sepenuhnya seperti yang dijanjikan melalui pelaksanaan skim SIMP.

"Pelaksanaan SIMP ini juga dilihat selari dengan hasrat Malaysia Madani melalui teras 'Ihsan' iaitu belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan memperkasakan kemanusiaan," jelasnya pada majlis khas yang diadakan di sini pada 2 Disember lalu.

Mohamad yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat menyatakan bahawa seramai 12 nelayan menerima bantuan pukat menerusi skim SIMP, di samping sumbangan kepada 11 anak nelayan yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Tidak setakat itu sahaja, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini akan terus bekerjasama dengan empat buah pusat tuisyen untuk membiayai yuran berwajib bagi menjayakan Program Jaya Didik khusus kepada anak-anak nelayan lokal.

Difahamkan, sebelum ini seramai 31 nelayan lain telah menerima bantuan serupa di bawah skim tersebut.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Ekosistem pelaburan lebih berdaya saing

"Oleh hal demikian, Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) optimis bahawa ekosistem pelaburan negeri akan lebih berdaya saing selepas *Silicon Island* berjaya direalisasikan kelak," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam kerja-kerja mendapatkan kelulusan berwajib bagi projek tersebut.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga ADUN Batu Maung; Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation (PIC), Dato' Seri Farizan Darus turut sertai majlis tersebut.

Dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow menyatakan bahawa projek pembangunan *Silicon Island* akan mengambil masa kira-kira 15 tahun.

"Kini (kerja-kerja penambakan laut) menggunakan dua kapal, dan akan ditambah pada tahun akan datang supaya tahap pemajuan dapat dipercepatkan.

"Kawasan paling penting di *Silicon Island* ini semestinya *Green Tech Park* (GTP) yang mana pada tahun 2026, diharapkan kita dapat menyaksikan pembangunan industri pertama (di pulau buatan tersebut)," ulasnya lanjut.



KAWASAN tambakan.

## Pelaburan pembuatan meningkat, infrastruktur asas perlu dinaik taraf

**GEORGE TOWN -** Bagi suku ketiga 2023 (3Q23) sahaja, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) meluluskan RM34.6 bilion pelaburan berkaitan sektor pembuatan masuk ke Pulau Pinang, dengan peningkatan kira-kira 421 peratus berbanding tempoh sama tahun 2022.

Ini, menjadikan pelaburan masuk ke negeri ini yang merangkumi sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor premier bagi tempoh Januari hingga September 2023 secara keseluruhannya sebanyak RM44.9 bilion.

Pelaburan langsung asing (FDI) berkaitan sektor pembuatan ke Pulau Pinang sahaja bagi tempoh Januari hingga September tahun lepas adalah berjumlah RM35.8 bilion menyamai peningkatan 634 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri ,Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Putrajaya wajar menaik taraf infrastruktur asas berkaitan yang sedia ada di negeri dengan mengambil kira Pulau Pinang menyumbang kira-kira 42 peratus daripada keseluruhan FDI berkaitan sektor pembuatan negara.

"(Bank) tanah, bekalan air terawat, tenaga elektrik, isu kesesakan trafik, bakat mencukupi, (pembesaran) Lapangan Terbang (Antarabangsa Pulau Pinang), Pelabuhan (Pulau Pinang), semua ini adalah mempunyai hubung kait dengan ekonomi serta mengakibatkan kesendatan di negeri ini.

"Justeru, kita (Pulau Pinang) perlu menghadapi kenyataan bahawa infrastruktur kita telah sampai pada suatu peringkat yang memerlukan penaiktarafan (daripada pihak Putrajaya) memandangkan Pulau Pinang telah mengukuhkan kedudukannya sebagai penyumbang utama kepada FDI pembuatan negara, dengan menguasai 42 peratus," jelasnya dalam sidang media berkaitan di Komtar pada 11 Disember 2023.

Kata Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi itu lagi, kemasukan RM35.8 bilion FDI dalam sektor pembuatan negeri adalah menyamai peningkatan sebanyak 634 peratus berbanding tempoh sama tahun 2022.

Mengulas lanjut mengenai laporan perangkaan yang dikeluarkan MIDA, Kon Yeow menyatakan bahawa Belanda, Amerika Syarikat dan Singapura merupakan negara penyumbang terbesar kepada sektor pembuatan negeri, iaitu kira-kira 95 peratus.

Di samping itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota turut menzahirkan penghargaan atas kerjasama antara MIDA dan agensi negeri, *InvestPenang* dalam menggalak serta menarik masuk pelabur ke Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi; Exco Perdagangan dan Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar, Rashidi Zinol; Ketua Pegawai Eksekutif *InvestPenang*, Dato' Loo Lee Lian; CEO Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Aziz Bakar dan CEO Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), K. Pathmanathan turut sertai sidang media tersebut.

# UPB integrasikan pergerakan bantuan bencana

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PULAU** Pinang merupakan negeri kelima di negara ini yang telah mewujudkan Unit Pengurusan Bencana (UPB) bagi tujuan mengintegrasikan pergerakan bantuan ketika berlakunya bencana.

Ketua Unit Pengurusan Bencana, **D. AMBIKA DEVI** berkesempatan berkongsi sedikit sebanyak latar belakang UPB dalam sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** pada 1 November baru-baru ini.

Menurut beliau, UPB telah diwujudkan pada April tahun lepas dan dibahagikan kepada empat pecahan unit kecil (sub unit)

"Pertama, sub unit Data dan Perancangan yang berfungsi sebagai sistem pengumpulan data terdahulu seperti jumlah mangsa terlibat serta kerosakan termasuk jumlah kerugian yang dialami.

"Kedua, sub unit Pentadbiran dan Kewangan yang berfungsi untuk menguruskan penyaluran tabung amanah krisis yang dibiayai oleh NADMA (Agensi Pengurusan Bencana Negara).

"Ketiga, sub unit Jaringan Luar dan Kapasiti yang lebih terarah kepada penganjuran program kesedaran serta bengkel-bengkel simulasi sebagai pendedahan menangani bencana kepada umum.

"Akhir sekali adalah sub unit Operasi dan Pasca Bencana yang berfungsi sebagai koordinator bagi daerah serta negeri, terutamanya dalam melaporkan bencana, penyaluran bantuan melalui agensi atau jabatan yang boleh dan telah bersiap sedia," jelasnya.

Tambah Ambika Devi, sesuatu bencana yang melanda juga telah diklasifikasikan kepada beberapa tahap mengikut keadaan yang berlaku.

"Sebagai makluman, bencana tahap satu hanya melibatkan peringkat daerah manakala bencana tahap dua, (dua daerah atau lebih) dan bencana tahap tiga adalah beberapa negeri yang terkesan akibat bencana tersebut.

"Menurut mekanisme pengurusan bencana pula, sesuatu keadaan hanya boleh ditakrifkan sebagai bencana apabila ia tidak boleh diselesaikan dalam tempoh singkat serta memerlukan penggemblengan tenaga kerja daripada banyak pihak.

"Kriteria lain adalah termasuk bilangan kehilangan nyawa, gangguan kepada aktiviti masyarakat, runtuhan bangunan, kebakaran struktur khas, empangan pecah, jerebu, dan juga pandemik," ulasnya lanjut.

Dalam pada itu, Ambika Devi turut menekankan bahawa kerjasama yang erat dalam kalangan pihak berkepentingan adalah amat penting untuk mengintegrasikan pergerakan bantuan melalui UPB.



D. Ambika Devi.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan Exco dan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke Unit Pengurusan Bencana baru-baru ini.**

"Sudah tentu kerjasama erat amat diperlukan terutamanya dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) serta pejabat daerah.

"Jaringan yang baik juga harus dibina bersama dengan NADMA yang merupakan pihak terpenting apabila berlakunya sebarang bencana di negara ini.

"Selain itu, pegawai daerah juga berfungsi untuk menyelesaikan permasalahan dan mengerahkan setiap agensi serta jabatan supaya bersiap sedia untuk ke lapangan.

"Dengan ini, kita dapat mewujudkan satu protokol penggemblengan aset dan tenaga apabila berlakunya bencana," ujarnya sambil menyatakan bahawa kakitangan UPB sentiasa bersiap siaga jika berlakunya sebarang kecemasan dan bencana.

Bercakap mengenai persediaan lain, Ambika Devi turut memaklumkan bahawa pelan tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani bencana bakal disiapkan menjelang tahun 2025.

"Sebuah pusat logistik kemanusiaan bencana atau depoh bakal dibangunkan di kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) melalui kolaborasi bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan bakal siap menjelang tahun 2025.

"Di samping itu, Pusat Pemindahan Kekal (PPK) berkonsepkan Rehat dan Rawat (R&R) juga akan diwujudkan pada tahun hadapan yang mana PPK sementara kini terletak di Sekolah Kebangsaan (SK) Machang Bubok yang merupakan lokasi *'hotspot'* bencana.

"Bukan itu sahaja, ekoran era pendigitalan kini, sebuah aplikasi pengesan bencana sedang dinaik taraf bagi penggunaan umum, laman sesawang seperti *Penang Alert* dan GeoBencana boleh diakses bagi mengetahui info lebih lanjut," katanya menutup bicara.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# SKIMAS, pembakar semangat atlet

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Atlet negara, Muhammad Arif Afifuddin Ab. Malik yang meraih pingat emas bagi acara Karate-Kumite lelaki bawah 84 kilogram (kg) dalam Temasya Sukan Asia Ke-19 Hangzhou 2023 dekat Republik Rakyat China menerima Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) berjumlah RM24,000 di sini.

Muhammad Zarif Marican Ibrahim Marican, Muhammad Azlan Alias, Muhammad Zaim Razali serta Muhammad Syahir Mohd. Rosidi yang memenangi pingat perak menerusi acara Sepak Takraw Regu Lelaki dan Regu Lelaki Berpasukan dalam temasya kejohanan sama masing-masing turut menerima SKIMAS berjumlah RM4,800, RM4,800, RM2,400 dan RM4,800.

Zainatul Husniah Zulkifli yang memenangi pingat gangsa bagi acara olahraga 4 x 100 meter (m) wanita turut menerima SKIMAS berjumlah RM1,500, manakala RM3,000 insentif kepada Ooi Tze Liang yang menenangi pingat gangsa bagi acara 3m Papan Anjal Berirama.

Atlet para berbasikal negara, Nur Azlia Syafinaz Mohd. Zais yang berjaya membolot satu pingat perak dan tiga gangsa dalam Sukan Para Asia 2022 Hangzhou turut menerima SKIMAS berjumlah RM30,000.



**KETUA Menteri meramahi para penerima SKIMAS seusai majlis penyampaian yang diadakan di sini baru-baru ini.**

Atlet para renang negara, Zy Kher Lee yang berjaya membawa pulang pingat gangsa bagi acara berkaitan turut menerima SKIMAS RM12,000.

Sebelum menyampaikan replika cek SKIMAS kepada 10 penerima berkenaan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merakamkan penghargaan atas kejayaan para atlet negeri dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

"Semoga kejayaan yang dicipta pada kali ini dapat menjadi pembakar semangat untuk meneruskan usaha berbakti kepada negara dan bangsa," katanya dalam majlis berkaitan di Komtar pada 7 November 2023.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa pentadbirannya akan terus menitikberatkan aspek pembangunan modal insan secara menyeluruh meliputi sahsiah, akademik hatta sukan sendiri.

"Dalam aspek pembangunan sukan, Kerajaan Negeri juga sedang giat menambah baik dan membina kemudahan asas sukan baru seperti kompleks sukan dan gelanggang futsal, bola keranjang dan sepak takraw," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Berucap pada majlis sama sebelum itu, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen turut merakamkan penghargaan kepada 14 atlet negeri yang telah menyertai kontinjen negara ke dwi kejohanan tersebut pada 23 September hingga 28 Oktober lepas.

ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang yang juga Naib Presiden Persatuan Renang Amatur Pulau Pinang; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua; Presiden Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang, Dato' Seri Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza; Setiausaha Persatuan Sepak Takraw Negeri Pulau Pinang, Ismadi Abu Bakar; Setiausaha Persatuan Berbasikal Negeri Pulau Pinang, Munir Mohamed Ismail dan Setiausaha Persekutuan Karate Pulau Pinang, Ho Chan Wei turut sertai majlis penyampaian replika cek SKIMAS tersebut.



# Projek RTB Alma jangka mampu atasi beberapa risiko banjir

Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**MACHANG BUBOK -** Pembinaan Kolam Takungan Banjir di Alma diharap dapat mengurangkan impak banjir kilat yang sering berlaku di kawasan berkenaan, kata Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Pembangunan Digital, Zairil Khir Johari.

Selain itu, menurut beliau, projek tersebut juga diharap dapat mengurangkan risiko dan kekerapan banjir di kawasan hulu lembangan Sungai Junjung Mati melibatkan Taman Saujana Indah, Taman Impian, Taman Impian Ria dan kawasan sekitar.

"Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan semua perancangan dan pelaksanaan projek rancangan tebatan banjir (RTB) di negeri ini adalah mengikut jadual dalam meningkatkan daya tahan terhadap bencana.

"Projek RTB Membina Kolam Takungan Banjir di Alma dalam Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) merupakan salah satu projek berimpak tinggi oleh Kerajaan Negeri susulan kejadian banjir besar yang berlaku pada tahun 2017.

"Sebagai makluman, (Kerajaan Negeri) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM7,348,039 bagi menyempurnakan pelaksanaan projek tersebut," ujarnya semasa merasmikan majlis berkaitan pada 17 November 2023 dekat sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon serta wakil-wakil jurutera JPS, ketua-ketua jabatan serta pasukan perunding dan kontraktor.

Tambah Zairil, projek tersebut telah dilaksanakan pada tahap pelindungan banjir *'50 Average Recurrence Interval'* (ARI) dan dijangka mampu mengatasi beberapa aspek risiko banjir.

"Sebagai makluman, 50 ARI berupaya mengurangkan keluasan banjir, jumlah mangsa banjir, aras kedalaman banjir serta risiko kerosakan harta benda dan kemudahan awam.

"Keluasan kawasan kolam takungan banjir ini adalah 20,083 meter persegi (isipadu: 88,969 meter persegi) dan telah direka bentuk sebagai kolam takungan banjir yang mampu mengurangkan aras banjir di hilir sungai ke tahap yang minimum," ujarnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

Terdahulu, JPS Pulau Pinang turut menerima peruntukan sebanyak RM5 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan kerja-kerja kecemasan luar jangka yang bakal memanfaatkan seramai 5,600 penduduk negeri ini.

Difahamkan, sebanyak 58 kerja kecemasan luar jangka dilaksanakan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 29 kerja kini sedang dalam pelaksanaan.



**ZAIRIL Khir Johari (kiri sekali) ketika mengadakan lawatan ke tapak projek pembinaan Kolam Takungan Banjir Alma di sini baru-baru ini.**


ICONIC REGENCY
PANGSAPURI PERKHIDMATAN
SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG
PEGANGAN BEBAS



DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA



Ketumpatan Rendah (268 Unit)
Lokasi Strategik
Kelengkapan Sedia-ada
42 Tingkat (10 Unit Setingkat)
Pangsapuri Perkhidmatan
Perkhidmatan Pangurusan

RM458,000 (Min) - RM1,031,500 (Max)

iconic

Iconic Development Sdn. Bhd. 201101024372 (952508-D)
(A member of Iconic Group of Companies)
70-1-30, D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri,
Bandar Bayan Baru, 11900 Penang, Malaysia.

SILA HUBUNGI
Carian Lokasi "Iconic Development"
04 643 1888 | 012 739 7888 | 012 739 7999
www.iconicregency.com

Nama Pemajuan: Iconic Regency • Pemaju: Iconic Development Sdn. Bhd.(201101024372)(952508-D) No.70-1-30, D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri, Bandar Bayan Baru, 11900 Pulau Pinang. • Tel: 604-6431888 • Lesen Pemaju Perumahan: 13685/08-2027/0854(R) • Tempoh Sah: 11/08/2022 hingga 10/08/2027 • Permit Iklan Jualan: 13685-2/08-2024/1246(R)-(S) Tempoh Sah: 11/08/2023 hingga 10/08/2024 • Pegangan Tanah: Bebas • Bebanan Tanah: Tiada • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB10790/19(LB) • Tarikh Jangka Siap: Jul 2024 • Jenis Harta: Pangsapuri Perkhidmatan • Jumlah Unit: 268 • Jumlah Baki Unit: 11 • Harga Jualan: RM458,000.00(Min)-RM1,031,500.00(Max) • Discount 5% untuk Bumiputra
IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

*Maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran. Semua gambar lakaran dan ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja dan bukan dirancang sebagai mewakili fakta. Walaupun semua langkah sewajarnya telah diambil semasa penyediaan maklumat ini, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang ketidaktepatan dan perubahan yang mungkin diarahkan oleh pihak berkuasa. **Tertakluk kepada terma dan syarat.

# Shaik Awish Alkirani, tubuh akademi gilap bakat muda




SHAIK Awish Alkirani Shaik Haronarashib.

KOYAKAN Ligamen Krusiat Anterior (ACL) pada bahagian lutut yang dialami oleh **SHAIK AWISH ALKIRANI SHAIK HARONARASHIB**, 30, bukan noktah bagi bekas pemain bola sepak profesional berkenaan.

Mungkin Shaik Awish Alkirani tidak lagi beraksi di padang sebagai pemain profesional, namun minat yang mendalam dalam sukan bola sepak mendorong beliau menubuhkan kelab bola sepak sendiri.

Dalam wawancara bersama-sama Buletin Mutiara, beliau memberitahu bahawa Akademi Bola Sepak Wira Muda ditubuhkan pada tahun 2018 dengan moto 'Ke Arah Melahirkan Generasi Emas Bola Sepak Malaysia'.

"Pada tahun pertama penubuhan akademi ini, kita mempunyai seramai 80 pelatih sahaja, tetapi sekarang (2023) hampir 200 pelatih atau pemain.

"Dalam tempoh lima tahun belakangan ini (2018 - 2023), Akademi Bolasepak Wira Muda berjaya melahirkan 12 pemain bawah 12 tahun yang mewakili Malaysia peringkat kebangsaan; dan satu pemain untuk JDT (Johor Darul Ta'zim)," jelasnya kepada wartawan, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** semasa ditemui di padang bola sepak dekat Institut Kecemerlangan Mara, Jawi pada 22 Oktober lalu.

Bercerita lanjut, Shaik Awish Alkirani memberitahu bahawa pasukan di bawah Akademi Bola Sepak Wira Muda pada bulan Mac 2023 berjaya memenangi Kejohanan Bola Sepak Terbuka Antarabangsa Phuket; Naib Johan Liga Bola Sepak Remaja JSSL Singapura 2023 dan kedudukan keempat terbaik dalam Kejohanan Bola Sepak Remaja Terbuka Antarabangsa Bangkok - Bawah 12 Tahun (U12).

"Itu, antara kejayaan yang diraih oleh pasukan di bawah Akademi (Bolasepak) Wira Muda peringkat antarabangsa pada tahun ini.

"Peringkat 'dalaman' (di Malaysia), antara pencapaian tertinggi adalah Kejohanan Bola Sepak Remaja dekat Setia Alam, Selangor.

"Baru-baru ini, kita jadi johan Piala Ketua Menteri Pulau Pinang - Bawah 12 Tahun (U12) di Permatang Rawa dan johan salah satu kategori dalam Karnival Bola Sepak Akar Umbi LovePenang - U12 (anjuran) Persatuan Bolasepak Pulau Pinang (FAP)," ujarnya.

Bercerita lanjut, Shaik Awish Alkirani memberitahu bahawa beliau senantiasa menganggap segala rekod kejayaan yang diraih oleh Akademi Bola Sepak Wira Muda tersebut sehingga kini adalah hasil kerja berpasukan khususnya 12 jurulatih bertauliah.

Menurut beliau, selain mengasah bakat para pelatih, sokongan ibu bapa serta waris mereka juga sedikit sebanyak turut menjadi kekuatan buat Akademi Bola Sepak Wira Muda untuk memburu kejuaraan dalam kejohanan-kejohanan yang disertai oleh kelab itu.

"Akademi Bola Sepak Wira Muda memang ada buat kolaborasi dengan Penang FC, memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan kelab tersebut secara langsung.

"Maksudnya, untuk melayakkan Penang FC masuk Piala AFC, wajib ada akar umbi, jadi Akademi (Bola Sepak) Wira Muda ini dijadikan salah satu akar umbi mereka.

"Dengan memeterai MoU ini, Akademi (Bola Sepak) Wira Muda dapat sokongan dari segi kewangan, jersi pemain dan sebagainya," ulasnya dalam nada sederhana.

Berbekalkan beberapa kelebihan serta rekod kejayaan tersebut, Shaik Awish Alkirani berkata bahawa pihaknya mengaku ketika ini usaha memajukan Akademi Bola Sepak Wira Muda kian mencabar.

"Perkara paling mencabar adalah memilih pemain untuk menyertai satu-satu kejohanan.

"Apabila pelatih ketika ini hampir 200 orang, maka pemilihan semakin terhad, sampai ada ibu bapa beberapa kali meminta penjelasan mengenai status anak mereka tidak dipilih mewakili Akademi (Bola Sepak) Wira Muda dan sebagainya.

"Di Akademi (Bola Sepak) Wira Muda secara umum ada dua sesi, satu untuk pemula iaitu mereka yang baru nak belajar bermain bola sepak dan satu sesi lain untuk mereka yang dah pandai main untuk digilap lagi bakat mereka.

"Kepada pelatih yang baru nak belajar bermain bola sepak, lazimnya mereka ini akan menyertai kejohanan dalaman yang dianjurkan oleh Akademi Bola Sepak Wira Muda sendiri, supaya mereka turut berpeluang merasai kejohanan bola sepak dengan beraksi memakai jersi dan ada medal untuk pemenang.

"Bagi pelatih yang memang boleh main, mereka akan beraksi 'di luar'," ujarnya lanjut.

Bercakap mengenai keistimewaan Akademi Bola Sepak Wira Muda pula, Shaik Awish Alkirani memberitahu bahawa ada tiga keistimewaan kepada mereka yang mahu dilatih.

"Pertama, kita ada 12 jurulatih bertauliah, sekurang-kurangnya peringkat akar umbi, maka sudah tentu boleh memberi lebih tumpuan kepada para pelatih semasa sesi latihan.

"Keistimewaan kedua, mungkin terdapat di Akademi Bola Sepak Wira Muda sahaja, iaitu setiap kategori umum ada satu kursus untuk mereka menjalani sesi latihan, kita tidak campur bawah pelatih 12 tahun dan lapan tahun tahun umpamanya.

"Keistimewaan ketiga, Akademi Bola Sepak Wira Muda mungkin satu-satunya kelab di Malaysia yang mempunyai padang sintetik sendiri untuk sesi latihan dan perlawanan, di Institut Kecemerlangan Mara, Jawi," jelasnya lagi sambil memberitahu bahawa padang di sini turut dibuka untuk sewaan kepada pihak luar asalkan tidak mengganggu rutin sesi latihan harian para pelatih.

Mengakhiri wawancara, Shaik Awish Alkirani menyatakan bahawa pihaknya berharap Akademi Bola Sepak Wira Muda dapat menggilap lebih ramai bakat baharu, sebagaimana moto 'Ke Arah Melahirkan Generasi Emas Bola Sepak Malaysia'.

"Kita telah berjaya melahirkan 12 pemain yang mewakili Malaysia, kita ada kira-kira 65 pemain yang mewakili Akademi Tunas (iaitu platform atlet pelapis menerusi Program Pembangunan Bola Sepak Negara, NFDP)," ujarnya yang juga anak jati Butterworth.

Shaik Awish Alkirani, bekas pemain Perlis FA mengalami ACL buat kali ketika pada tahun 2015, akhirnya nekad bersara sebagai pemain bola sepak profesional lalu menubuhkan kelab sendiri bagi menggilap bakat muda dan baru untuk negara.



PASUKAN Akademi Bola Sepak Wira Muda yang berjaya memenangi salah satu kejohanan yang diadakan.

# *Chef Nuril* bawa masakan Jawi Peranakan ke mata dunia

**TERSENARAI** dalam *Michelin Guide Restaurants 2023*, restoran berkonsepkan cafe dan galeri iaitu *Jawi House Cafe & Gallery* atau lebih dikenali sebagai 'Jawi House' merupakan satu-satunya pakar gastronomi Jawi Peranakan yang terdapat di Malaysia.

Lebih membanggakan, pengasasnya bukanlah calang-calang orang, Prof. Datuk Dr. Wazir Jahan Abdul Karim merupakan generasi pewaris Jawi Peranakan di Pulau Pinang.

Kini, restoran tersebut diambil urus oleh anak bongsunya, **NURILKARIM MOHD. RAZHA** yang juga merupakan chef di Jawi House.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** berkesempatan mengunjungi Jawi House dan bertemu dengan Chef Nurilkarim untuk mengetahui perkembangan semasa.

Chef Nurilkarim atau lebih mesra disapa sebagai Chef Nuril mempunyai diploma dalam kulinari dan ijazah dalam lapangan hospitaliti dari Switzerland. Selepas tamat pengajian, beliau pernah bekerja di sebuah restoran Perancis mewah di ibu kota.

Kemudian, ibunya memulakan Jawi House untuk memperkenalkan warisan Jawi Peranakan melalui makanan, cerita dan seni.

"Jadi, sebelum ini ia lebih kepada konsep *'coffee house'* dan galeri.

"Lama-kelamaan, orang ramai yang berkunjung ke sini terpesona dan ingin tahu tentang sejarah dan kerumitan budaya campuran seperti Jawi Peranakan ini.

"Maka, saya mengambil keputusan untuk pulang ke Pulau Pinang dan membantu ibu saya menambah beberapa hidangan Jawi Peranakan dan menu pencuci mulut Perancis.

"Saya cuba sedaya upaya mengekalkan identiti masakan Jawi Peranakan dan pada masa yang sama mencipta menu-menu baru yang sesuai, yang tidak terdapat lain-lain kafe atau restoran.

"Saya mahu pengunjung menikmati makanan yang disajikan dalam suasana kasual dan tenang," ujarnya memulakan bicara ketika ditemui pada 26 Oktober lalu.

## Latar belakang

Selepas lebih sedekad kini, Chef Nuril bangga dengan usaha yang dilakukan untuk memperkenalkan warisan Jawi Peranakan dan semakin mendapat perhatian.

"Saya amat berbangga kerana Jawi House telah menambah citra bangsa dan budaya bukan sahaja untuk Pulau Pinang tetapi juga Malaysia.

"Malah, kami juga berbangga menyatakan bahawa kami merupakan pengasas terhadap mempromosikan budaya dan adat resam Jawi Peranakan di dalam negara," katanya.

Menurut Chef Nuril, paling utama adalah makanan Jawi Peranakan semakin mendapat sambutan walaupun rata-rata mengetahui bahawa Pulau Pinang sememangnya terkenal dengan nasi kandar, char kuetiau dan asam laksa, maka masakan Jawi Peranakan memberi pilihan yang lain untuk pelancong.

"Ibu saya merupakan ahli akademik, sebelum ini ibu banyak menulis buku mengenai sejarah, tokoh-tokoh Jawi Peranakan yang mana kemudian ibu beralih tumpuan terhadap makanan dan resipi warisan Jawi Peranakan.

"Atas dasar bangga dan cintakan gastronomi warisan jugalah, ibu saya menghasilkan buku *'Feast of Penang: Muslim Culinary Heritage'* untuk dikongsi bersama-sama generasi baru Muslim Selat (nama lain untuk Jawi Peranakan), malah, menu yang terdapat di Jawi House juga terdapat dalam buku tersebut," ulasnya.

## Jawi Peranakan di Pulau Pinang

Apabila ditanya mengenai asal usul Jawi Peranakan, pemuda berusia 34 tahun itu memberitahu bahawa perkataan 'Jawi' adalah perkataan Arab yang digunakan untuk menulis dalam bahasa Melayu manakala 'Peranakan' bermaksud keturunan anak negeri dengan orang asing.

"Pulau Pinang suatu ketika dahulu merupakan sebuah pelabuhan yang mana ramai pedagang dari luar atau orang asing yang masuk ke sini dan berkahwin dengan orang tempatan di kawasan selat.

"Sebelah ibu saya, merupakan generasi kelima dari Pakistan (Punjabi) dan kami tidak lagi menggunakan bahasa Urdu atau Hindi ketika bertutur sebaliknya menggunakan Bahasa Melayu.

"Hasil perkahwinan campur (antara Pakistan dan Melayu tempatan) dan integrasi sosial ini, maka lahirlah generasi campuran 'Jawi Peranakan' yang mempunyai jalur agama Islam," katanya yang turut menjelaskan bahawa terdapat banyak susur galur peranakan di Pulau Pinang antaranya Baba Nyonya dan India Muslim.



**NURILKARIM Mohd. Razha (berkemeja biru) bersama-sama kakitangannya.**

Menurut Nuril, generasi Jawi Peranakan adalah berbeza dari generasi India Muslim atau lebih dikenali sebagai 'Mamak'.

"Generasi India Muslim masih lagi menutur bahasa Urdu atau Tamil di rumah dan dari segi masakan juga, masakan India Muslim lebih berempah dan pedas.

"Generasi Jawi Peranakan tidak begitu menggemari masakan pedas, bersantan sebaliknya lebih banyak menggunakan herba, bawang dan tomato dalam masakan.

"Ada beberapa ciri-ciri lain lagi walaupun berlaku asimilasi melalui perkahwinan campur dan sebagai, tapi setiap satu mempunyai perbezaan," jelasnya lagi.

## Keistimewaan Sajian Unik di Jawi House

Terletak di Lebuh Armenian yang merupakan lokasi tumpuan para pelancong baik tempatan mahupun luar negara, Jawi House tetap mempunyai daya tarikan dan keistimewaannya tersendiri.

Beroperasi dalam lot rumah dua tingkat bercirikan zaman kolonial, tatarias Jawi House diilhamkan sendiri oleh ibunya.

(Sambungan di muka 15).




JAWI House yang menyajikan kepelbagaian makanan unik.

# Kompleks Makanan Padang Brown

## sinar tumpuan baru

Teks & Gambar : **NUR ASHIKIN ISMAIL**



**AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng (kanan sekali) menunjukkan lakaran grafik penaiktarafan projek pembinaan sambungan bumbung di Kompleks Makanan Padang Brown, Jalan Perak di sini baru-baru ini.**

**MAJLIS** Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini telah memperuntukkan sejumlah RM389,195 untuk projek pembinaan sambungan bumbung di Kompleks Makanan Padang Brown, Jalan Perak.

Difahamkan, komponen utama projek berkaitan adalah melibatkan penambahan bumbung termasuk pemasangan lampu dan kipas baharu di kawasan ruang makan tambahan.

Ia dijangka siap sepenuhnya pada 14 Mac 2024 dan kini dilaksanakan secara berperingkat serta dimulakan dengan bahagian premis tidak halal.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** cuba mendekati beberapa responden yang terdiri daripada peniaga di Kompleks Makan Padang Brown dekat sini.

Bagi **THO TONG AUN**, 60 yang merupakan penjual air di kompleks makanan berkaitan berharap agar kerja-kerja penaiktarafan dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

"Kerja-kerja penaiktarafan mula dijalankan baru-baru ini melibatkan bahagian premis makanan tidak halal dan dijangka siap dalam tempoh terdekat.

"Justeru, para peniaga boleh kembali berniaga setelah mencapai kata sepakat bersama-sama pihak kontraktor untuk mempercepatkan proses penaiktarafan," ujarnya yang peka akan kepentingan keselesaan pelanggan.

